

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,  
JALAN SULAIMAN,  
KUALA LUMPUR.

9hb. September, 1975.

Tuan ,

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1975**

### **Pekerja-pekerja Sementara Yang Tidak Memiliki Kelayakan Penuh**

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1974](#) mengenai Pemindahan Gaji untuk pekerja-pekerja sementara yang tidak berkelayakan penuh kepada tanggagaji-tanggagaji bersih bagi jawatan-jawatan yang telah digred semula berbilang tingkatan yang tertentu mengikut perbekalan di bawah perenggan 15, [Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 1970](#). Surat Pekeliling tersebut memutuskan bahawa pekerja-pekerja sementara yang telah diberikan kenaikan-kenaikan gaji tidak patut diterima mengikut perbekalan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) itu hendaklah mengembalikan (refund) segala bayaran yang diterimanya akibat dari kenaikan-kenaikan gaji itu.

2. Tanggagaji Pegawai Kerani, iaitu satu daripada jawatan-jawatan yang terlibat di bawah peraturan ini telah pun diubah mulai daripada 1hb. Ogos, 1973 di mana gred-gred jawatan telah dihapuskan. Dengan demikian perbekalan di bawah perenggan 15, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) tidaklah boleh digunakan lagi bagi Kerani Sementara yang berpindah kepada tanggagaji Pegawai Kerani. Oleh itu inilah diputuskan bahawa Kerani-kerani itu adalah layak menerima kenaikan gaji atas tanggagaji Pegawai Kerani, tetapi bagi tempoh sebelum 1hb. Ogos, 1973, kenaikan gaji adalah dengan cara isyarat sahaja. Dengan itu mereka hendaklah mengembalikan kenaikan gaji itu mengikut cara yang terdapat dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1974](#). Mereka yang telah menerima kenaikan gaji selepas 1hb. Ogos, 1973 tidaklah perlu mengembalikan kenaikan gaji itu.

3. Segala kemusykilan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Gaji, Jabatan Perkhidmatan Awam, untuk mendapat keterangan selanjutnya.

4. Keputusan ini dibuat dengan persetujuan Majlis Bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan (Perkhidmatan Awam) dan Kesatuan Sekerja.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD TAJUDDIN BIN  
MOHD. DARUS)  
Bahagian Gaji,  
b.p. Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Setiausaha Jabatan Persekutuan.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,  
Semenanjung Malaysia.